

Soalan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional- PTPTN

1. Saya baru mendaftar di UiTM, kenapa saya tidak mendapat Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) dari PTPTN seperti pelajar-pelajar lain?

Jawapan : Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) adalah bantuan kepada pelajar-pelajar yang pertama kali ditawarkan ke IPTA dan kurang berkemampuan. Pemberian WPP berjumlah RM1,500.00 adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut :

- Warganegara Malaysia
- Pendapatan seisi keluarga kurang daripada RM4,000
- Belum pernah menerima WPP atau pembiayaan PTPTN

Bermula kemasukan sesi Julai 2010, pelajar dikehendaki membuat pilihan sama ada bersetuju atau tidak bersetuju untuk menerima Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) semasa permohonan kemasukan ke IPT melalui UPU online.

2. Bagaimanakah caranya untuk membuat permohonan Pinjaman PTPTN?

Jawapan : Permohonan pinjaman PTPTN adalah secara atas talian (online), pelajar perlu melayari www.ptptn.gov.my bagi membuat permohonan PTPTN. Pelajar perlu membeli nombor pin di Bank BSN dengan harga RM5.00 bagi membuat permohonan. Bermula Januari 2012, pihak PTPTN telah mewajibkan para pelajar yang ingin memohon pinjaman PTPTN bagi membuka akaun SSPN. Semakan status samada permohonan diluluskan atau tidak, perlu dibuat dalam tempoh masa lima (5) hari bekerja. Sila cetak surat tawaran & dokumen perjanjian PTPTN dan berhubung dengan Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar Bahagian Hal Ehwal Pelajar untuk mengetahui tarikh dan tempat dimana sesi serahan surat tawaran PTPTN kepada pihak PTPTN.

3. Adakah saya perlu membuat permohonan penangguhan pembayaran PTPTN sekiranya saya menyambung pengajian ke peringkat Ijazah/Sarjana?

Jawapan : Penangguhan bayaran balik pembiayaan perlu dibuat oleh pelajar yang menyambung pengajian dengan mengemukakan permohonan rasmi ke PTPTN. Walau bagaimanapun kos pentadbiran tetap dikenakan sepanjang tempoh penangguhan. Pelajar perlu mengisi borang penangguhan dengan menyertakan dokumen seperti :

- Salinan Surat Tawaran UiTM ke Program Ijazah/Sarjana
- Salinan Mini Transkrip Tamat Diploma/Ijazah
- Surat Pengesahan Aktif Belajar dari Fakulti

Kos pentadbiran akan mula dikira selepas 6 bulan tamat pengajian atau tamat pembiayaan sebagaimana dinyatakan dalam perjanjian yang ditandatangani. Tiada pengurangan diberi ke atas kos pentadbiran yang telah dikenakan.

4. Sekiranya saya pernah mendapat Pinjaman PTPTN tetapi gagal/berhenti di pengajian terdahulu, bolehkah pelajar membuat permohonan pinjaman PTPTN?

Jawapan : Sekiranya pelajar pernah mendapat Pinjaman PTPTN tetapi gagal/berhenti di pengajian terdahulu, pinjaman kali kedua hanya akan diluluskan setelah baki hutang terdahulu diselesaikan.

5. Saya mendapat pinjaman PTPTN pada semester pertama, tetapi pada semester 03 saya telah ditawarkan biasiswa dari JPA, apakah yang perlu saya lakukan?

Jawapan: Pelajar hanya boleh mendapat salah satu biasiswa/pinjaman dalam satu tempoh masa ketika di dalam pengajian. Sekiranya pelajar mendapat pinjaman PTPTN tetapi telah ditawarkan biasiswa, pelajar perlu memilih salah satu dengan membuat pembatalan pinjaman PTPTN dengan menyertakan salinan surat tawaran biasiswa yang diperolehi. Implikasinya kepada pelajar jika tidak membuat pembatalan mana-mana pinjaman/biasiswa yang diperolehi, duit pinjaman/biasiswa pelajar akanditahan oleh Pejabat Bendahari UiTM sehingga pelajar membuat pembatalan.

6. Apakah yang menyebabkan bayaran PTPTN pelajar boleh ditahan?

Jawapan : Pinjaman PTPTN pelajar akan ditahan sekiranya keputusan peperiksaan di bawah GPA 2.00. Keadaan yang sama juga berlaku sekiranya pelajar pengajian/digantung dan mendapat pinjaman PTPTN pada semester berkenaan, PTPTN pelajar akan ditahan pada semester berikutnya.

7. Adakah saya boleh membuat rayuan sekiranya pinjaman PTPTN saya ditahan?

Jawapan : Rayuan untuk mendapatkan balik pinjaman PTPTN yang ditahan hanya akan diluluskan bagi kes-kes tertentu sahaja yang melibatkan masalah kesihatan dan disokong dengan adanya pengesahan dari hospital kerajaan/swasta.

8. Saya mempunyai pertanyaan berkaitan dengan ujr, bagaimana untuk saya mendapatkan maklumat lanjut berkaitan ujr?

Jawapan: Sekiranya pelajar mempunyai pertanyaan berkaitan dengan ujr, pelajar perlu berhubung terus dengan pihak PTPTN di talian 03-2080 4455 (One Stop Centre) atau layari laman web ptptn di www.ptptn.gov.my

9. Bagaimana untuk saya berhubung dengan pihak PTPTN yang menguruskan pinjaman para pelajar UiTM sekiranya terdapat sebarang masalah atau pertanyaan?

Jawapan: Semua pelajar-pelajar UiTM boleh berhubung dengan Pegawai PTPTN (Khas Untuk pelajar UiTM Sahaja) di talian :
03-20986546/6567/6561/6557/6553/6731/6561/4981/3680

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :
Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar/ Perkhidmatan Kaunter Setempat HEP
Bahagian Hal Ehwal Pelajar Bangunan Budiswa, Tingkat 3
40450, UiTM Shah Alam
Tel : 03-5544 3545/ 3538 / 3542
Fax : 03-5544 3517
Email: intan547@salam.uitm.edu.my

Soalan - Soalan Lazim Bantuan Kewangan & Kebajikan Pelajar



Soalan Bantuan Kewangan Pelajar

1. Saya pelajar semester pertama, adakah saya layak memohon sebarang permohonan bantuan kewangan?

Jawapan: Hanya pelajar semester 02 dan ke atas sahaja yang layak untuk memohon sebarang bantuan kewangan. Bantuan kewangan yang diberikan kepada pelajar adalah dari tabung kebajikan pelajar.

Syarat-syarat utama bagi permohonan bagi tabung berkenaan adalah pelajar mestilah pelajar sepenuh masa di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Profesional, pelajar tidak mendapat sebarang pinjaman atau biasiswa dari mana-mana penaja, pelajar perlu menduduki sekurang-kurangnya satu peperiksaan semester, pelajar tidak mempunyaireskod kesalahan tatatertib oleh Lembaga Tatatertib UiTM dan pendapatan keluarga adalah dibawah RM1,500.00.

2. Saya baru mendaftar semester pertama, saya belum membuat sebarang pinjaman/biasiswa, adakah saya layak memohon pengurangan/pegecualian yuran pengajian?

Jawapan: Permohonan pengurangan/pegecualian yuran adalah layak bagi pelajar semester 02 dan ke atas sahaja. Pelajar mestilah telah menduduki sekurang-kurangnya satu semester peperiksaan dengan memperolehi CGPA 2.35 ke atas, pelajar tiada apa-apa pinjaman atau biasiswa dari mana-mana penaja, Kedua-dua ibu-bapa atau salah seorang telah meninggal dunia atau hilang upaya. Kadar pengurangan adalah dari RM200.00 kepada RM 90.00 kepada RM 45.00 kepada tiada bayaran.

3. Ibu dan ayah saya baru sahaja meninggal dunia selepas saya mendaftar di UiTM, apakah bentuk bantuan yang akan diberi kepada saya?

Jawapan: Pelajar layak mendapat bantuan bayaran tambang perjalanan bagi kematian ibu/bapa. Kadar bantuan adalah seperti berikut :

TAMBANG PERJALANAN KEMATIAN IBU/BAPA	KADAR SUMBANGAN
Semenanjung Malaysia	RM100.00
Sabah	RM400.00
Sarawak	RM300.00

4. Apakah bantuan yang diberikan sekiranya pelajar mengalami kemalangan atau menghidap penyakit yang memerlukan pembedahan segera?

Jawapan: Pelajar yang mengalami kemalangan akan diberi bantuan tabung kecemasan pelajar. Sumbangan adalah tertakluk kepada kelulusan dari Jawatankuasa tabung kecemasan pelajar yang mana telah menetapkan peratusan bagi kes-kes kecederaan yang di alami oleh pelajar.

Bagi pelajar yang menghadapi sakit kronik dan memerlukan pembedahan, pelajar perlu mendapatkan surat akuan kemudahan perubatan (GL) dari Pusat Kesihatan UiTM bagi memudahkan urusan bayaran bil rawatan pelajar. Pelajar layak tinggal di Wad Kelas Dua (2) atau lebih rendah di Hospital-hospital kerajaan atau Hospital Universiti. Universiti tidak akan menanggung apa-apa bayaran bagi rawatan atau wad di hospital swasta.

Sekiranya berlaku kematian kepada pelajar, pihak UiTM akan memberi sumbangan bantuan sebanyak RM7,000.00 kepada waris/penjaga pelajar (termasuk pelajar separuh masa dan jarak jauh).

5. Rumah saya telah mengalami kebakaran keseluruhannya yang menyebabkan kami hanya tinggal sehelai sepinggang. Apakah bentuk bantuan yang UiTM berikan kepada pelajar?

Jawapan: Pelajar akan diberi bantuan dari Tabung Kebajikan Pelajar yang mana bantuan diberi kepada pelajar yang ditimpa bencana alam, seperti banjir, ribut, dipanah petir, tanah runtuh, bangunan runtuh, pokok tumbang dan kebakaran. Sumbangan bantuan adalah bergantung kepada kelulusan Jawatankuasa Tabung Kebajikan pelajar yang mengambil kira kerugian keseluruhan yang di alami oleh pelajar. (Maksimum bantuan RM3, 000.00).

6. Saya mendapat pinjaman PTPTN/Biasiswa/Pinjaman Kerajaan Negeri, tetapi masih belum mencukupi untuk menampung perbelanjaan di kampus, adakah saya layak memohon bantuan kewangan?

Jawapan: Pelajar tidak layak mendapat bantuan kewangan kerana status pelajar adalah menerima pinjaman/biasiswa. Syarat utama bagi bantuan kewangan adalah pelajar bebas dari sebarang bentuk pinjaman atau biasiswa dari mana-mana agensi. Tetapi sekiranya pelajar ditimpa malapetaka seperti kemalangan, kebakaran atau terlibat dalam kes kecurian pelajar adalah layak menerima bantuan tabung kebajikan atau tabung kecemasan pelajar.

7. Saya pelajar sepenuh masa program (Pra/Master/PHD), adakah saya layak memohon bantuan kewangan yang diberikan kepada pelajar Diploma /Ijazah?

Jawapan: Bantuan kewangan hanya diberikan kepada Pelajar sepenuh masa Program Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Profesional yang mendaftar dengan UiTM. Pelajar sepenuh masa program (Pra/Master/PHD), pelajar luar kampus (PLK) dan pelajar jarak jauh (e-PJJ) adalah tidak layak menerima bantuan kewangan.

8. Saya telah mengalami kecurian barang di rumah sewa dan beberapa barang berharga termasuk laptop telah hilang, bolehkah saya mendapatkan bantuan kewangan?

Jawapan: Pelajar layak untuk mendapat bantuan tabung kebajikan pelajar. Kes perlu dibuktikan dengan adanya laporan polis dan agensi berkaitan dengan disertakan semua salinan yang diperlukan. Pelajar layak mendapat bantuan mengikut kelulusan yang diberikan oleh Jawatankuasa Tabung Kebajikan pelajar (Maksimum RM500.00).

Soalan Biasiswa/Pinjaman Kerajaan Negeri

1. Apakah biasiswa yang biasanya ditawarkan kepada pelajar?

Jawapan: Biasiswa-biasiswa yang biasanya ditawarkan kepada pelajar adalah dari Badan-Badan Kerajaan yang terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Tajaan dari Badan-badan swasta pula terdiri daripada Maybank Berhad, Sime Darby, Petronas, UMW Corporation dan FELDA dan lain-lain. Pinjaman dari Kerajaan

Negeri juga biasanya menawarkan biasiswa atau pinjaman khas untuk anak-anak kerajaan negeri masing-masing.

Tawaran biasiswa dari Badan-badan kerajaan seperti JPA/KPM biasanya akan dibuka pada pertengahan tahun di antara bulan Mei/Jun/Julai. Pelajar perlu memohon secara atas talian dengan melayari laman web yang berkenaan.

2. Apakah syarat-syarat utama bagi permohonan biasiswa?

Jawapan: Syarat-syarat utama bagi permohonan biasiswa adalah pelajar perlu mendapat keputusan peperiksaan dengan CGPA 3.50 ke atas dan keputusan CGPA 2.75 ke atas bagi setiap semester berikutnya. Sekiranya pelajar tidak mencapai keputusan seperti yang dikehendaki oleh pihak penaja, biasiswa pelajar akan ditahan atau ditamatkan bergantung kepada penaja masing-masing.

Pinjaman kerajaan negeri yang ditawarkan kepada pelajar adalah berbentuk pinjaman dan bukannya biasiswa. Pelajar perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti keputusan peperiksaan mestilah diatas CGPA 3.00 dan anak jati negeri mengikut tawaran pinjaman kerajaan negeri masing-masing.

3. Saya adalah penerima biasiswa JPA semasa pengajian di peringkat Diploma, adakah saya perlu membuat permohonan semula ketika menyambung pengajian di peringkat Ijazah?

Jawapan: Pelajar semester pertama program Ijazah lepasan diploma boleh memohon biasiswa JPA dengan membuat permohonan semula secara atas talian di laman web JPA dengan menggunakan keputusan peperiksaan akhir Diploma dengan CGPA 3.50 dan keatas.

4. Dimanakah saya boleh memperolehi semua maklumat berkaitan tawaran biasiswa/pinjaman Kerajaan negeri?

Jawapan: Pelajar boleh mendapatkan semua maklumat berkaitan biasiswa/pinjaman kerajaan negeri di Kaunter Setempat HEP, Papan Kenyataan Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar HEP UiTM Shah Alam, Fakulti dan juga kolej kediaman.